

SYARAT-SYARAT LESEN ALAT MENANGKAP IKAN KILONG ATAU LINTAU

1. Kilong dan Lintau mestilah ditahan didalam kawasan yang dipohonkan dan yang telah pun dibenarkan oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.
2. Kilong dan Lintau tidak boleh dipindah ke tempat-tempat lain.
3. Semasa memulakan operasi mestilah disaksikan oleh pegawai daripada Seksyen Penguatkuasaan, Jabatan Perikanan untuk memastikan kawasan penahanan seperti yang telah dibenarkan.
4. Lampu isyarat mestilah dipasang diiap-tiap penjuru Kilong atau Lintau tersebut sepetimana yang diarahkan oleh Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan.
5. Kilong dan Lintau mestilah tidak menghalang laluan kapal-kapal dan perahu-perahu.
6. Tuan empunya Kilong atau Lintau hendaklah bertanggungjawab bagi membuka semula Kilong atau Lintau yang tidak digunakan lagi dengan perbelanjaan ditanggung oleh tuan empunya Kilong atau Lintau berkenaan. Jika pemilik Kilong atau Lintau berkenaan gagal untuk membuka semua Kilong atau Lintau yang tidak digunakan lagi, Jabatan Perikanan berhak membuka semua Kilong atau Lintau berkenaan dan semua perbelanjaan bagi membuka Kilong atau Lintau berkenaan akan ditanggung oleh tuan empunya Kilong atau Lintau tersebut.
7. Tuan empunya Kilong atau Lintau mestilah menyediakan papan pengenalan seperti berikut:-

15 cm

	30 cm
15 cm	Nama : _____
	Nombor Plit Lesen : _____
	Banyak Tahanan : _____
	Tempat Tahanan : _____

Papan pengenalan tersebut mestilah sentiasa ditempatkan (dilekatkan) di tempat Kilong atau Lintau berkenaan yang boleh dilihat dan butir-butir mengenainya mestilah mengikut apa yang tertulis dalam lesen yang dikeluarkan.

8. Sekiranya kawasan di mana Kilong atau Lintau yang dibenarkan tersebut dikehendaki oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia maka tuan empunya Kilong atau Lintau hendaklah bersedia untuk mengosongkan kawasan tersebut pada bila-bila masa dikehendaki oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama tanpa menuntut sebarang ganti rugi daripada pihak Kerajaan.
9. Pegawai-pegawai Jabatan Perikanan Yang diberikuasa mestilah dibenarkan untuk memeriksa Kilong atau Lintau tersebut pada bila-bila masa.
10. Tuan empunya Kilong atau Lintau dan pekerja-pekerjanya mestilah memberikan maklumat-maklumat setiap kali ianya dipinta oleh Pegawai-pegawai Jabatan Perikanan yang Diberikuasa.
11. Tuan empunya Kilong atau Lintau yang gagal mematuhi syarat-syarat tersebut akan didakwa di bawah Perintah Perikanan, 2009.
12. Tuan empunya Kilong atau Lintau mestilah mempunyai lesen perahu yang sah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Kementerian Perhubungan Negara Brunei Darussalam.
13. Pengarah Perikanan berhak dan boleh menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa ke semasa.
14. Syarat-syarat lain adalah seperti yang dikuatkuasakan dibawah Perintah Perikanan, 2009 dan Peraturan-Peraturan Perikanan yang ada.

Saya dengan ini adalah bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut diatas:

Nama : _____

Jawatan : _____

Syarikat : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Diluluskan oleh Pegawai Yang Diberikuasa :

Nama : _____

Jawatan : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

